

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kawasan tekanan udara rendah punca hujan luar biasa	Sinar Harian
2.	Amaran hujan kategori jingga	Harian Metro
3.	Tekanan udara rendah jadi punca	KOSMO
4.	Thunderstorms almost cripple state	Malay Mail
5.	Heavy rain lash Penang	The Sun
6.	Hujan berterusan dan angin kencang dijangka melanda enam negeri	BERNAMA
7.	Lima korban banjir terburuk di Pulau Pinang	BERNAMA
8.	Hujan berterusan dan angin kencang dijangka melanda enam negeri	Astro Awani
9.	Kilang Percetakan NSTP antara dinaiki air	Berita Harian
10.	Dana halal untuk IKS patuh syariah	Utusan Malaysia
11.	CMDV sebagai pusat sehenti	Utusan Malaysia
12.	Bantu usahawan PKS jadi syarikat bio global	Utusan Malaysia
13.	Bantu syarikat BioNext	Utusan Malaysia
14.	Death and destruction as storm hits Penang	Malay Mail
15.	Review of SOP for better links with federal agencies	Malay Mail

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (MUSIBAH BANJIR) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Kawasan tekanan udara rendah punca hujan luar biasa

SHAH ALAM - Jabatan Meteorologi menjelaskan, kejadian hujan lebat luar biasa berterusan di Pulau Pinang dan sebahagian Kedah sejak Sabtu lalu, berpunca daripada kehadiran kawasan tekanan udara rendah.

Menerusi satu kenyataan semalam, jabatan itu memaklumkan kehadiran kawasan tekanan udara rendah tersebut menjadi lokasi penumpuan angin dan kelembapan yang tinggi sehingga menghasilkan hujan lebat berterusan berserta dengan angin kencang.

"Pembentukan kawasan tekanan udara rendah ini mula terbentuk di Laut China Selatan sejak akhir Oktober dan seterusnya bergerak merentasi selatan Thailand sebelum berada di utara Semenanjung Malaysia pada Sabtu lalu," kata kenyataan itu.

Berikutan daripada keadaan ini, Jabatan Meteorologi memaklumkan pihaknya telah mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat kuning pada 1 November melibatkan Kelantan, Terengganu, Perak, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Cuaca mendung dan kadang kala hujan diramalkan berlaku pada 6 November (hari ini) di negeri-negeri utara Semenanjung dan keadaan dijangka pulih daripada kesan kawasan tekanan udara rendah pada 7 November ini (Selasa).

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 6
TARIKH: 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Amaran hujan kategori jingga

Kuala Lumpur: Hujan lebat luar biasa yang berterusan di Pulau Pinang dan sebahagian Kedah, sejak kelmarin berpunca daripada tekanan udara rendah di kawasan berkenaan.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Alui Bahari berkata, pembentukan tekanan udara rendah mula terbentuk di Laut China Selatan sejak penghujung Oktober lalu seterusnya bergerak merentasi selatan Thailand sebelum berada di utara Semenanjung bermula kelmarin.



“Kawasan itu menjadi lokasi penumpuan angin dan kelembapan yang tinggi hingga menghasilkan hujan lebat berterusan berserta angin kencang.

“Susulan daripada keadaan itu, MetMalaysia mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat kuning sejak Rabu lalu membabitkan Kelantan, Terengganu, Perak, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang sebelum ditingkatkan kepada merah bagi Pulau Pinang dan sebahagian Kedah.

“Bagaimanapun, amaran hujan lebat diturunkan kepada kategori jingga sepanjang hari ini (semalam) berikutan keadaan tekanan udara rendah yang semakin melemah,” katanya.

Hujan lebat berterusan dan luar biasa dijangka pulih esok
Alui Bahari

Menurutnya, hujan lebat berterusan dan luar biasa dijangka pulih pada esok, namun cuaca mendung dan ada kalanya hujan dijangka masih lagi berlaku di kawasan negeri utara Semenanjung.

Berdasarkan Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional, cuaca di seluruh negara diramal terus mengalami kelembapan hingga Sabtu ini apabila hujan dijangka berlaku pada sebelah pagi di negeri pantai barat Semenanjung, kawasan barat Sabah dan Sarawak.

“Selain itu, pada sebelah petang hingga ke awal malam pula, hujan dan ribut petir di beberapa tempat dijangka berlaku di semua negeri di Semenanjung, barat dan tengah Sarawak serta semua bahagian di Sabah,” katanya.

Maklumat terkini berkaitan cuaca boleh diperolehi melalui laman sesawang MetMalaysia di www.met.gov.my, aplikasi mobil-myCuaca, facebook:malaysiamet, twitter:@malsianmet atau MMD Hotline di talian 1 300 22 1638.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO: MUKA SURAT 3
TARIKH : 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Pulau Pinang, Kedah, Perak terjejas kerana fenomena cuaca dari Laut China Selatan

Tekanan udara rendah jadi punca

KUALA LUMPUR — Kejadian hujan lebat luar biasa yang melanda negeri Pulau Pinang serta sebahagian Kedah dan Perak sejak malam kelmarin berpunca daripada kehadiran kawasan tekanan udara rendah.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Alui Bahari berkata, kawasan tersebut menjadi lokasi penumpuan angin dan kelembapan yang tinggi menghasilkan hujan lebat yang berterusan bersamaan dengan berlalu arah.

"Kejadian hujan lebat luar biasa yang melanda Pulau Pinang dan sebahagian negeri Kedah bermula kelmarin sehingga semalam disebabkan oleh kehadiran kawasan tekanan udara rendah.



ALUI BAHARI

FREDOLIN

"Pembentukan kawasan tekanan udara rendah ini mula terbentuk di Laut China Selatan sejak penghujung bulan lalu dan seterusnya bergerak merentasi selatan Thailand sebelum berada di utara Semenanjung Malaysia kelmarin," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Bagaimanapun, beliau berkata, banjir yang melanda beberapa kawasan di utara Semenanjung dijangka pulih daripada kawasan tekanan udara rendah esok.

"Kejadian banjir dijangka pulih esok, namun cuaca mendung dan kadangkala hujan akan berlaku di negeri-negeri utara Semenanjung hari ini (semalam)," ujarnya.

Kata kenyataan itu, METMalaysia telah mengeluarkan am-



LAKARAN pergerakan angin yang berlawan arah jam yang membawa angin kuat dan hujan lebat di Pulau Pinang sejak kelmarin.



BANJIR besar melumpuhkan bandar raya George Town selepas air naik sehingga lebih tiga meter semalam.

ran hujan lebat peringkat kuning pada Rabu lalu yang melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Perak, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

"Menjelang malam semalam (kelmarin), hujan dilihat semakin lebat menyebabkan METMalaysia meningkatkan tahap

amaran hujan lebat kepada peringkat merah untuk Pulau Pinang dan sebahagian Kedah," ujarnya.

Sementara itu, Profesor Klimatologi dan Oseanografi Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Fredolin Tangang berkata, kejadian taufan yang berlaku di Vietnam

bukan penyebab hujan lebat di utara Semenanjung sebaliknya akibat tekanan udara rendah.

Katanya, tekanan udara itu seolah-olah tidak bergerak dan bertumpu di Pulau Pinang sepanjang hari Sabtu dalam keadaan tiupan angin melawan arah jam.

Thunderstorms almost cripple state

GEORGE TOWN — Penang came close to being crippled after thunderstorms over the past 72 hours lashed the northern states bringing the island to a standstill.

It was on the brink of devastation as property damage ran into millions of ringgit and flash floods claimed the lives of seven people.

The city island's main arteries and other roads in low-lying areas came under about one-metre of water, making traffic impassable. On the east coast, train services came to a standstill when floods washed away the track at Dabong tunnel, near Kuala Krai.

For Penangites and other northerners, their woes were expected to continue as the Meteorological Department announced thunderstorms and strong winds are expected in days ahead.

Till late yesterday, flood waters were yet to recede from most parts of the city, while strong gale-force winds continued to lash the island.

"Nobody expected this heavy rain and winds, which were incredible on Saturday night, it was like a typhoon here," Chief Minister Lim Guan Eng said at the state flood operations centre in Komtar yesterday.

He believed the extraordinary storm which hit Penang was due to the side effects of the Damrey Typhoon which struck Vietnam.

More than 100 areas, he said, in the state were affected by fallen trees and landslides.

"We are fearful there may still be untoward incidents because of the strong winds, the likes of which were never experienced before, and flash floods might recur."


Besides Penang, the Met Department disclosed that similar weather conditions were also expected in the Perak districts of Kerian (Larut, Matang and Selama) and Kuala Kangsar, as well as in Terengganu's Besut, Setiu, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang and Hulu Terengganu.

Other districts in Kedah, Perlis and Kelantan were also expected to experience thunderstorms.

The rains which came down on Friday failed to cease and continued till Saturday night when trees were uprooted and hillsides got washed down.

Early yesterday, Lim contacted Deputy Prime Minister Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, who is also Home Minister, seeking his assistance to activate the

FLOODS IN PENANG, KEDAH, PERAK



BERNAMA INFOGRAPHICS



National Security Council and deploy the military.

At least 2,500 people were evacuated from homes on the island and Seberang Prai when flash floods inundated low-lying areas.

At the height of the thunderstorms, public transportation was disrupted for several hours while flights into and out of the international airport had to be rescheduled.

Penang International Airport manager Ramzi Ahmad said the storm caused four inbound flights to be diverted, three to Subang Airport, and one to Langkawi International Airport.

"More than 26 outbound flights

were delayed," he said.

Rapid Penang announced temporary closure of its stage bus operations due to flash floods.

In a statement, the public transporter said floodwaters inundated major roads and electricity supply to key areas were disrupted.

"In the interest of public safety, we have no option but to temporarily cease operations of our stage buses until the rain and floodwaters subside," it said.

Thunderstorms also cut water supply to several residential areas on the island, disrupting flood clean-up efforts.

Penang Water Supply Corporation (PBAPP) issued a statement saying debris and earth clogged water flow to the Waterfall Treatment Plant and the Guillemard Water Treatment Plant.

"These treatment plants are temporarily unable to supply treated water," it said.

The unscheduled water supply interruption affected neighbourhoods of Jesselton Heights and adjacent areas, like Jalan Air Terjun, as well as homes near the Penang Botanic

Gardens. Some areas in Pulau Tikus, especially those on higher ground, were also affected.

Residents along Air Itam Road, Gottlieb Road, Fettes Park, Pepper Estate, Elserdale Estate, Hong Seng Estate, Mount Erskine and surrounding areas will also experience poor water pressure.

"We initiated emergency response actions to normalise water supply to all areas, including pumping additional treated water from the Sungai Dua Water Treatment Plant in Seberang Prai," it said.

It also confirmed the storm brought down trees, mud and debris along the road to the Air Itam Dam.

"The road to Air Itam Dam has been closed until further notice," it said.

Police confirmed seven people have died to date in the massive floods which covered almost 80 per cent of Penang.

They include five Malaysians — Lau Guck Jee, 64, Amanullah Shabibi, 57, Kalandir, 75, Chew Eng Lean, 78, Chong Sin Thon, 97, and Tan Ah Poew, 45. The others are two foreign workers — a Bangladeshi and a Nepali.

Exams to proceed

THE Sijil Pelajaran Malaysia and Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia examinations in flood-affected Penang and Kedah will be held as scheduled.

Deputy Education Minister Datuk P. Kamalanathan, told Bernama 23,114 candidates would sit for the examinations at 159 centres in Penang.

In Kedah, he said, it would involve 34,672 candidates at 261 examination centres.

The SPM examination, which ended on Dec 4, will be held at 3,363 centres nationwide and involve 443,883 candidates.

A total of 45,303 candidates are sitting for the Term 3 SPM 2017 at 683 examination centres, while 50,011 candidates will sit for Term 1 SPM 2018, scheduled for Nov 15-21, at 670 examination centres nationwide.

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDER) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

PENANG FLOOD DISASTER



Heavy rains lash Penang

> State has to cope with landslides, traffic congestion, power outages

BY IAN MCINTYRE, IMRAN HILMI
AND LEE HOI BOON
newsdesk@thesundaily.com

GEORGE TOWN: Penang continues to be in dire straits as heavy rain and flooding have caused untold damage to the island state.

Although the rainfall has moderated since noon yesterday, it is the after-effects of such torrid weather that is bearing down on the inhabitants.

At the state assembly sitting on Nov 2, State Flood Mitigation, Local Government and Traffic Management committee chairman Chow Kon Yeow said there were 119 flood incidents in the state from 2013 until Oct 15 this year. He said the flooding on Sept 15 was the worst ever, affecting 119 areas and 5,498 victims.

The floods on Sept 15 was preceded by 270mm of rainfall - a record at that time.

The rainfall recorded over a 24-hour period from Saturday to yesterday was 315mm - 40mm more than on Sept 15. Meanwhile, the Meteorological Department has forecast that bad weather will continue till the end of the week.

In the latest post on its website, the department said continuous rainfall with strong winds are expected in Penang until Saturday.

The state has not only been inundated with flood waters reaching as high as 3.5m, with some speculating online that the downpour was the result of Typhoon Damrey which swept across Vietnam, but also the ensuing after-effects.

Penang has now to cope with countless landslips, traffic congestion as roads have been cut off, debris, power outages, relocation of the victims, suspension of public services and others.

The latest updates are:

- ▶ Seven persons, including one Bangladeshi, are dead. North east district police chief Asst Comm Anuar Omar confirmed the deaths.
- ▶ Close to 2,500 people were relocated to flood relief centres in the five districts of the state, mostly in schools.
- ▶ Penang Hill funicular rail service was suspended due to a landslide.
- ▶ Ride sharing service provider - Uber has issued a statement, urging their drivers to be careful while out providing transport and that they have scrapped the additional fees for trip cancellation or delays.
- ▶ Over 100 troops have fanned out throughout the state to help out.
- ▶ Residents in Balik Pulau have no access out of the district, as both roads have been affected by floods and landslides.
- ▶ Many key artery roads in George Town remained impassable due to floods and congestion.
- ▶ Residents in the Straits Regency condominium units anxiously wait on whether their units can be declared safe by the Penang Island City Council because of a nearby sinkhole.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)



Hujan Berterusan Dan Angin Kencang Dijangka Melanda Enam Negeri

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Hujan berterusan dan angin kencang dijangka berlaku di negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Kelantan sehingga lewat malam ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan berkata daerah Kerian; Larut, Matang dan Selama; Hulu Perak, dan Kuala Kangsar di Perak serta daerah Besut, Setiu, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, dan Hulu Terengganu di Terengganu juga akan mengalami keadaan yang sama.

Menurut kenyataan itu, daerah Kinta, Kampar, Manjung, Perak Tengah, Bagan Datuk, Hilir Perak, Muallim dan Batang Padang di Perak pula dijangka mengalami ribut petir, hujan lebat berserta angin kencang sehingga awal malam ini.

Keadaan sama juga dijangka melanda daerah Cameron Highlands, Lipis dan Raub di Pahang.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)



Lima Korban Banjir Terburuk Di Pulau Pinang



GEORGE TOWN, 5 Nov (Bernama) -- Pulau Pinang sekali lagi dilanda banjir berikutan angin kuat dan hujan lebat lebih 15 jam bermula 2 petang semalam dan disifatkan sebagai yang terburuk dalam sejarah.

Kejadian banjir terbaru ini turut menyebabkan lima terkorban membabitkan empat warga emas yang mati lemas dan seorang warga Bangladesh pula maut dihempap pokok manakala rakan senegaranya dipercayai masih hilang.

Hujan lebat dan angin kencang sejak 2 petang dan berlarutan sehingga 5 pagi ini menyebabkan Pulau Pinang lumpuh selepas puluhan jalan ditutup dan ratusan rumah di lima daerah di negeri ini dilanda banjir selain turut menyebabkan ratusan pokok dan beberapa kawasan mengalami kejadian tanah runtuh.

Hampir keseluruhan kawasan rendah di Pulau Pinang dinaiki air setinggi 0.2 meter hingga 1 meter berikutan hujan lebat berterusan menyebabkan paras air sungai meningkat dan bertembung dengan fenomena air pasang di laut mengakibatkan limpahan air berlaku dengan pantas.

Setakat pukul 6 petang, seramai 3,365 mangsa banjir di Pulau Pinang masih ditempatkan di pusat pemindahan sementara banjir di lima daerah di negeri ini dan daerah Seberang Perai Utara (SPU) disifatkan sebagai kawasan paling teruk terjejas akibat banjir.

Pegawai Perhubungan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang Mohd Azman Hussin berkata kawasan Seberang Perai Tengah (SPT) mencatatkan jumlah mangsa paling ramai iaitu 1,974 orang di 25 pusat pemindahan di daerah berkenaan manakala SPU (829 orang), Seberang Perai Selatan (25), Barat Daya (290) dan Timur Laut melibatkan 247 mangsa.

Kejadian banjir itu turut mengakibatkan sebuah feri di Terminal Feri Sultan Abdul Halim, Butterworth mengalami sedikit kerosakan akibat dipukul ombak setinggi tiga meter di kawasan itu sehingga melanggar bahagian W6 dermaga air dalam.

Bagaimanapun, feri tersebut dijangka beroperasi keesokan hari.

Lalu lintas di beberapa kawasan turut mengalami kesesakan antaranya George Town, Batu Ferringhi dan Tanjung Tokong disebabkan pokok tumbang yang menghalang lalu lintas dan hanya satu jalan sahaja dibuka untuk kenderaan.

Kerja-kerja pembersihan pokok-pokok yang tumbang akibat angin kencang sedang giat dijalankan dan polis turut mengawal lalu lintas bagi mengelak kesesakan.

Selain itu, Rapid Penang turut menghentikan sementara operasi perkhidmatan basnya berikutan kejadian banjir kilat di bahagian pulau dan tanah besar.

Dalam satu kenyataan hari ini, Rapid Penang berkata 13 laluan bas di bahagian pulau dihentikan membabitkan kawasan Kebun Bunga, Teluk Bahang, Komtar, Pengkalan Weld, Tanjung Bungah, Bukit Bendera, Paya Terubong dan Balik Pulau dan satu laluan di bahagian Seberang Perai iaitu laluan bas Bukit Mertajam-Taman Pelangi turut diberhentikan operasi.

Sementara itu, Ketua Menteri Lim Guan Eng berkata kerajaan negeri tidak bercadang untuk mengisyiharkan darurat buat masa ini kerana keadaan terkini masih terkawal.

Beliau berkata darurat hanya akan diisyihar oleh kerajaan negeri selepas rundingan dan atas nasihat kerajaan persekutuan.

Terdahulu, Lim ketika mengadakan lawatan ke kawasan terjejas awal pagi ini meminta bantuan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi untuk menghantar pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi membantu mangsa-mangsa banjir.

"Keadaan semakin genting. Air masih naik, angin masih kuat, air sampai 10 hingga 12 kaki lepas bumbung di Pulau Pinang. Pulau Pinang minta bantuan daripada ATM. Saya berjaya hubungi Timbalan Perdana Menteri, terima kasih kerana angkat panggilan saya hampir 3.30 pagi dan beliau berjanji akan menghantar pasukan ATM untuk selamatkan Pulau Pinang," katanya.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan menyatakan amaran hujan lebat peringkat jingga dikeluarkan pada petang semalam bagi negeri Perlis, Perak, Kedah dan Pulau Pinang sebelum ditingkatkan ke peringkat merah ekoran hujan semakin lebat menjelang tengah malam.

Bagaimanapun, tahap amaran hujan lebat itu telah diturunkan kembali kepada kategori jingga mulai hari ini berikutan tekanan udara rendah dikesan semakin lemah.

-- BERNAMA



Hujan berterusan dan angin kencang dijangka melanda enam negeri



Penduduk di kawasan terlibat perlu bersedia dan mengambil langkah berjaga-jaga. - Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Hujan berterusan dan angin kencang dijangka berlaku di negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Kelantan sehingga lewat malam ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan berkata daerah Kerian; Larut, Matang dan Selama; Hulu Perak, dan Kuala Kangsar di Perak serta daerah Besut, Setiu, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, dan Hulu Terengganu di Terengganu juga akan mengalami keadaan yang sama.

Menurut kenyataan itu, daerah Kinta, Kampar, Manjung, Perak Tengah, Bagan Datuk, Hilir Perak, Muallim dan Batang Padang di Perak pula dijangka mengalami ribut petir, hujan lebat berserta angin kencang sehingga awal malam ini.

Keadaan sama juga dijangka melanda daerah Cameron Highlands, Lipis dan Raub di Pahang.

-- BERNAMA



Kilang percetakan NSTP antara dinaiki air

BUTTERWORTH: Hujan lebat serta ribut yang melanda seluruh Pulau Pinang sejak malam tadi, menyebabkan kilang percetakan milik The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) di Perai, di sini, dinaiki air.

Difahamkan, air mulai meningkat mencecah paras 0.4 meter sejak jam 9 malam tadi, sehingga menjelaskan laluan utama ke premis berkenaan.

Pengurus Kilang Percetakan NSTP Perai, Cham Nan A/L Yan, mengesahkan premis berkenaan dilanda banjir, namun ia tidak menjelaskan operasi kilang.

"Saya dimaklumkan paras air mulai naik kira-kira jam 9 malam selepas dipercayai longkang di kawasan premis gagal menampung jumlah air yang banyak dan bertakung di kawasan lapang di hadapan premis sehingga menjelaskan laluan masuk.

"Bagaimanapun, operasi percetakan lebih 80,000 naskhah akhbar membabitkan ketiga-tiga terbitan di bawah NSTP iaitu Berita Harian, Harian Metro dan New Straits Times berjalan seperti biasa," katanya.

Sementara itu tinjauan di sekitar kilang mendapati sehingga jam 12.30 tengah hari ini air masih memenuhi ruang lapang di hadapan premis dengan kenderaan terpaksa diletakkan di luar pagar.

Turut kelihatan beberapa pokok di dalam kawasan premis yang tumbang, selain di luar pagar susulan angin kencang.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) malam tadi mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat merah serta angin kencang di Pulau Pinang, serta daerah Yan, Kuala Muda, Kulim dan Bandar Baharu di Kedah yang dijangka berterusan sehingga hari ini.

Di sekitar Perai sahaja beberapa kawasan menerima kesan teruk termasuk menjelaskan kira-kira 500 penduduk di Kampung Setol dan Kampung Jawa, di sini.

Selain itu beberapa laluan utama termasuk di Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE) di Seberang Jaya dan Jalan Baharu di Seberang Perai, di sini, terhalang.

Untuk daerah Seberang Perai Tengah sahaja, sehingga jam 12 tengah hari tadi seramai 1,125 mangsa dipindahkan dengan 22 pusat pemindahan dibuka.

Kawasan terbabit termasuklah Taman Siakap, Taman Senangin, Taman Kempar/Kampung Main Road, Permatang Rawa, LLB Jalan Jelawat, Padang Ialang, Jalan Baru, Jalan Tanah Liat, Kampung Telok, Sungai Rambai, Mukim 20 Kubang Semang, Bukit Teh, Kampung Jawa, Kampung Setul dan Kampung Manis.

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 18

TARIKH : 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Dana halal untuk IKS patuh syariah

TAHUKAH anda industri halal di Malaysia mampu menyediakan peluang besar kepada pasaran makanan global?

Menurut Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), nilai potensi pasaran makanan halal global menyumbang sebanyak RM2.5 bilion ringgit setahun. Perbelanjaan pengguna Islam global dijangka berkenaan dari RM 71.3 trilion pada tahun 2012 kepada RM 10.71 trillion menjelang tahun depan.

Hari ini, Malaysia dilihat sebagai peneraju industri halal global, nilai ekspor produk halal dari Malaysia melebihi RM37.7 bilion, manakala penjualan halal Malaysia telah diiktiraf pada peringkat antarabangsa sebagai antara yang terbaik di dunia.

Melalui laporan terkini, secara tidak langsung, industri makanan halal sudah menjadi kunci yang penting kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), kerajaan memperkenal skim pembiayaan Dana Pembangunan Teknologi Halal (Dana Halal) dengan peruntukan bujukan RM100 juta kepada Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) untuk diagh-agihkan kepada industri kecil dan sederhana (IKS).

Dana tersebut bertujuan untuk membangunkan kemampuan dan keupayaan syarikat berteknologi berasaskan produk, muhu pun perkhidmatan halal.

Dana Halal dirakam khas untuk memupuk dan membantu perniagaan kecil dan sederhana bagi pertumbuhan jangka



ABD. RAHMAN MAMAT (empat kiri) bersama Norhalim Yusuf (tiga dari kiri) bersalaman dengan Anna Teo Pengarah Urusan Hernan Corporation Sdn. Bhd., sembilan diperhatikan oleh penerima dana yang lain semasa bergambar pada pelancaran Dana Pembangunan Teknologi halal di Pejabat Menteri Yayasan Tun Razak, Kuala Lumpur baru-baru ini.

panjang yang berorientasi ekspor melalui halal yang patuh syariah dengan memberi tumpuan kepada kluster makanan dan minuman, kosmetik dan penjagaan diri, farmaseutikal dan nutraceutical, serta bahan bahan kandungan dan bahan-bahan tambahan.

Semenjak RMK-7, MTDC menerima mandat oleh kerajaan untuk menguruskan dana khas kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk meningkatkan kandungan teknologi mereka menerusi pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pengambilalihan teknologi asing. Tidak hanya terhad kepada pengurusan dana, MTDC turut membangunkan pusat teknologi inkubator yang ditempatkan di beberapa

universiti dan institut penyelidikan tempatan (IPT) bagi memberi fokus kepada pelbagai kluster industri.

MTDC telah ditubuhkan pada 1992 dengan objektif sebagai agen pembangunan syarikat berasarkan teknologi, menggalakkan pemindahan hasil R&D tempatan serta sebagai pemangkin kepada pertumbuhan industri modal teroka di Malaysia.

Baru-baru ini, MTDC telah melancarkan Dana Halal MTDC melibatkan lima buah syarikat tempatan yang telah dikenal pasti untuk menerima tersebut.

Syarikat berkenaan adalah Organic Gain Sdn. Bhd., Vanity Cosmeceutical Sdn. Bhd., DMS Resources Sdn. Bhd., Herman Corporation Sdn. Bhd. Dan PS

Food & Beverage Sdn. Bhd.

Menurut Ahli Lembaga Pengaruh MTDC, Tan Sri Abd. Rahman Mamat, menerusi peruntukan yang disediakan, MTDC menyasarkan kelulusan Dana Halal kepada 30 buah syarikat berterakot yang membangunkan produk halal untuk pasaran tempatan dan luar negara bagi sepanjang tempoh RMK-11.

"Menerusi Dana halal, kami yakin dapat membantu IKS tempatan untuk berkembang dan meningkatkan prestasi mereka melalui perkhidmatan yang disediakan selain pembiayaan kewangan seperti khidmat nashiat dan rangkaian yang bersesuaian."

"Secara tidak langsung, dana ini dapat membantu mengurangkan kekangan kepada

para usahawan untuk membawa produk atau perkhidmatan ke pasaran," jelas beliau.

Beliau menytakan demikian pada majlis pelancaran Dana Halal MTDC di ibu negara baru-baru ini. Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yusup.

Berdasarkan kepada perkembangan dan permintaan kepada produk halal bagi pasaran halal antarabangsa, syarikat yang diluluskan bagi Dana Halal mempunyai potensi yang tinggi dalam menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan penghasilan produk atau perkhidmatan yang mampu meneroka pasaran tersebut.

Dana tersebut menyediakan platform kepada usahawan

Dana Halal 1:

Kumpulan sasaran: Perniagaan kecil dan sederhana yang bermula dari syarikat sederhana kepada syarikat besar menggunakan teknologi dalam produk atau perkhidmatan halal untuk pasaran tempatan.
Nilai pembayaran: Nilai maksimum sehingga RM2 juta atau 70 peratus daripada keseluruhan kos projek, yang mana terendah

Dana Halal 2:

Kumpulan sasaran: Yang bermula dari syarikat sederhana kepada syarikat besar yang menggunakan teknologi dalam produk atau perkhidmatan halal untuk pasaran ekspor.
Nilai pembayaran: Nilai maksimum sehingga RM4 juta atau 70 peratus daripada keseluruhan kos projek yang mana terendah

untuk mewujudkan perkongsian inovasi bersama-sama pakar dari universiti mahupun institusi penyelidikan tempatan serta agensi berkaitan halal.

Tujuannya adalah bagi menangani cabaran teknikal dalam pembangunan produk dan perkhidmatan halal.

Setiap permohonan dana yang diterima akan melalui tiga prosedur utama iaitu penyaringan, penilaian dan kelulusan yang mengambil masa selama kira-kira 12 minggu.

Maklumat lengkap berkenaan Dana Halal boleh dari laman sesawang MTDC di www.mtdc.com.my atau menghubungi talian 03-2172 6000.

CMDV sebagai pusat sehenti

CMDV ditubuhkan hasil kerjasama antara MARDI dan Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corp.).


Melalui perjanjian *custodian agreement* (CA), Bioeconomy telah memilih satu paket teknologi moden yang lengkap meliputi teknologi *Marker Assisted Selection* (MAS) dari DNA Landmark, Kanada dan melantik MARDI untuk menerajui teknologi itu.

Penubuhan CMDV melibatkan pembangunan makmal yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan robotik dan bertruput tinggi, selain meliputi pembangunan modal insan apabila seramai tujuh orang pegawai MARDI telah dihantar ke

DNA Landmark, Kanada.

Kesemua pegawai berkenaan dikehendaki menjalani latihan kemahiran yang merangkumi pelbagai bidang seperti molekul tumbuhan dan haiwan, bioinformatik, teknologi maklumat (IT) serta pengurusan makmal.

Makmal CMDV mula beroperasi pada bulan Ogos 2011 dan pada tahun yang sama juga CMDV menjadi salah satu subkluster Projek Permulaan (EPP) 14: Pembangunan industri benih bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) pertanian dan mula mendapat dana bagi membiayai pembangunan infrastruktur, aktiviti penyelidikan dan pembangunan dan operasi makmal.



INFO

PROSEDUR PIAWAI BAGI PENGESAHSAHIAN BENIH:

- Pengumpulan sampel DNA daripada pelbagai sumber
- Pengekstrakan DNA dari sampel dengan menggunakan prosedur piawai pengekstrakan yang telah dibangunkan di CMDV
- Pengesanan dan pemeriksaan kualiti dan kuantiti DNA yang berjaya diekstrak.
- Proses Pengenotipan DNA dengan menggunakan platform bersesuaian yang terdapat di CMDV bagi pembangunan pencapajaran DNA
- Penganalisisan terhadap data yang dihasilkan dengan menggunakan beberapa perisian yang dikenal pasti bersesuaian.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Bantu usahawan PKS jadi syarikat bio global

SELARAS dengan keperluan untuk mempercepat Inisiatif Bioekonomi bagi meningkatkan pertumbuhan industri serta ekonomi ke arah mencapai objektif dan matlamat Dasar Bioteknologi Kebangsaan (NBP) dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Pelan Induk 2012-2020, sebuah program yang dikenali sebagai Program Bionext telah diperkenal.

Program Bionext yang telah dibentangkan dan diluluskan pada tahun 2014 itu juga sejajar dengan Program Berimpak Tinggi (HIP) 5, Pelan Induk PKS dalam memangkinkan pertumbuhan syarikat tempatan, selain menyokong matlamat mewujudkan 20 syarikat bio global pada tahun 2020.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Bioeconomy Corporation, **Syed Agil Syed Hashim** berkata, bagi mencapai objektif itu, SME Corp Malaysia telah bekerjasama dengan Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corp.) bagi pelaksanaan

Program Bionext.

"Program ini menyasarkan peserta yang terdiri daripada syarikat PKS berstatus BioNexus yang berpotensi tinggi dalam sektor produk semula jadi, khususnya subsektor biokosmoseutikal dan pemakanan.

"Syarikat-syarikat ini dipupuk untuk meningkatkan daya saing mereka, seterusnya membawa mereka ke arah rantaian nilai yang lebih tinggi," katanya ketika sesi Lawatan Syarikat Program BioNext dan Penyerahan Laporan kepada Furley Bioextracts Sdn. Bhd. di Semenyih baru-baru ini.

Katanya, dengan sokongan SME Corp dan Bioeconomy Corporation, 10 buah syarikat terpilih termasuk Furleybio telah mengikuti program selama sembilan bulan yang meliputi kursus di Universiti Oxford, United Kingdom apabila mereka akan menerima latihan khas dalam pembangunan produk, pembangunan produk antarabangsa, pembangunan pasaran dalaman dan sebagainya.



STUART SOO TUCK POOI menunjukkan antara produk keluaran Furley

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

Bantu syarikat BioNext

DITUBUHKAN sebagai sebuah syarikat yang mengelajui bahan-bahan bioaktif pada tahun 2003, Furleybio (Sdn. Bhd., Furleybio) kini merupakan antara syarikat dalam Program BioNext yang mempunyai potensi besar dan dilahat mampu mengembangkan syarikat mereka sehingga ke peringkat antarabangsa.

Pada awal penubuhannya, Furleybio hanya menjalankan perniagaan menibekalkan bahan-bahan untuk menghasilkan produk nutrisi seperti makanaan kesihatan tambahan dan produk pengelihatan kulit selain mengelarkan produk untuk pelanggannya.

Pada tahun 2015, Furleybio berjaya menghasilkan produk sendiri yang mampu memenuhi keperluan dan kehendak pengguna dan menjadi antara syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mampu sasaran untuk berada di pasaran antarabangsa.

Dengan kelebihan pengetahuan teknikal dan keupayaan untuk menggabungkan sains dengan pasaran, Furleybio menjadi antara syarikat tempatan yang menduduki sokongan teknikal kepada pelanggarnya dari segi pembangunan produk serta inovasi.

Maka tidak hairanlah syarikat ini dipilih untuk menerima anugerah syarikat paling inovatif dalam bidang bioteknologi dan agroteknologi dari SME Corporation Malaysia (SME Corp).

Pengarah Urusannya, **Stuart Soo Tuck Pooi** berkata, kilangnya yang beroperasi di Semenyih ini memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) makanan kesihatan tambahan dan produk semula jadi yang dapat membantu memenuhi keperluan pengguna.

"Kilang kami merupakan pemegang sijil Amalan Pengilangan Baik Terkini (CGMP) (Makanan Kesihatan Tambahan dan Tradisional), ISO22000, Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritis (HACCP) dan halal.

"Dengan adanya sijil-sijil ini, ia dapat memberi jaminan kepada pelanggan bahawa produk yang kami hasilkan adalah berkeadaan baik dan dirawat dengan standard tertinggi dan sogi kebersihan dan keselamatan," katanya kepada **Mega Sains** ketika sesi Lawatan Syarikat Program BioNext dan Penyerahan Laporan kepada Furley Bioextracts Sdn. Bhd., di Semenyih baru-baru ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Malaysia, Datuk Hafrah Hashim dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Bioeconomy Corporation, Syed Agil Syed Hashim.

Jelajah lagi, Furleybio diiktiraf sebagai syarikat yang mengeluarkan rangkaian produk unik yang mengandungi DermaXan iaitu ekstrak buah manggis tempatan yang dihasilkan secara eksklusif oleh syarikat itu.

Antara produk yang dihasilkan adalah Spray8, produk semburan

yang dapat mengurangkan parut dan luka serta membaiki tisu kulit.

"Daripada kesan mlecek dan ekzema sehingga luka akibat daripada kesan pemotongan akibat penyakit kencing manis, Spray8 merupakan formula berbasis air tanpa steroid, tidak mengandung alkohol, maka ia menjadikannya lebih selamat dan tidak memberi kesakan, sekali gus sesuai untuk digunakan oleh kanak-kanak."

"Seterusnya, produk lain yang turut mendapat perhatian pengguna adalah Fem Mist, sejenis produk unik yang dapat memberi penyelesaian kepada masalah wanita."

"Fem Mist mengandungi campuran ekstrak DermaXan dan manjakani yang dapat menghilangkan bau, mengurangkan ketegalan dan selanjutnya digunakan kerana ia mengandungi bahan semula jadi," jelasnya.

Selain produk untuk kegunaan huaran, Furleybio juga mengeluarkan produk kesihatan yang turut mendapat permintaan tinggi dari huat negara iaitu minuman kesihatan Ostania Mangosteen Amrita.

Apa yang menarik mengenai minuman kesihatan ini ialah mengandungi formulasi keseluruhan buah manggis termasuk puri dan kulitnya, sekali gus menjadikannya sebagai minuman yang kaya dengan Xanthones.

"Xanthones mempunyai kesan yang sangat baik untuk organ dalam kerana kandungan antioksidannya yang tinggi.



NURUL AISHAH MOHD. JAMIL menunjukkan produk keluaran Furley Bioextracts Sdn. Bhd., di Semenyih baru-baru ini.

Furleybio dikenali sebagai syarikat yang mengeluarkan rangkaian produk unik yang mengandungi DermaXan iaitu ekstrak buah manggis tempatan yang dihasilkan secara eksklusif."

"Selain manggis sebagai bahan utama, ia juga mengandungi campuran ekstrak buah epal, roselle, acai beri, anggur dan delima yang ternyata kaya dengan pelbagai khasiat untuk kesihatan tubuh badan," ujarnya.

Sehingga kini, produk Furleybio telah diport ke Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun, Mauritius, Ghana, China, Hong Kong, Filipina, Vietnam dan New Zealand. - NUR FATTIEAH ABDUL RASHID



STUART SOO TUCK POOI (dua dari kanan) memberikan penerangan kepada Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Malaysia, Datuk Hafrah Hashim (dua dari kiri) dan Syed Agil Syed Hashim (tiga dari kanan) mengenai

DEATH AND DESTRUCTION AS STORM HITS PENANG



HIGH winds and heavy rains have left a trail of destruction across Penang.

The Meteorological Department has forecast that the bad weather will continue.

The department issued a "red" alert warning of continuous heavy rainfall across the northwest island state and Kedah today.

Putrajaya has mobilised the military to help with the rescue and relief operations.

The authorities were flooded with calls regarding landslides, road cave-ins, uprooted trees and fallen retention walls.




**KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**



1 Traffic in George Town's Jalan Dato Keramat in standstill yesterday. — Picture by Bernama

2 People wade in almost knee-high flood waters near Komtar. — Picture by Bernama



3 A section of the road behind Surin Condominium in Chee Seng Gardens, Tanjung Bungah which caved in.

4 Taman Siakap, Seberang Jaya, resident, Mansor Dramahan, 54, in his inundated home as water levels rise. — Picture by Sayuti Zainudin

5 People were transported to safety in a backhoe in Jalan Chian Heng Kai, Bukit Mertajam. — Picture by Sayuti Zainudin



6 Among the areas affected at the Penang Hospital include the transport unit, the lower floors of Block C and D, four wards and the neonatal intensive care unit.



**KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

Review of SOP for better links with federal agencies

GEORGE TOWN — Chief Minister Lim Guan Eng said the state government needs to review its standard operation procedures (SOP) for disaster management to have better coordination between state and federal agencies.

"We need to have better coordination with the Meteorological Department because nobody expected this heavy rain and winds, the winds were incredible last night, it was like a typhoon here," he told the media at the state flood operations centre in Komtar yesterday.

"If the state has better coordination with all agencies, especially federal agencies, then the state could immediately call in the armed forces for assistance when the need arose," he said.

"With better coordination, the armed forces can come in to help immediately instead of me calling the Deputy Prime Minister Datuk Seri (Ahmad) Zahid Hamidi at 3.30am.

"I called him three times before he picked up (the phone). I felt so sorry but I was desperate. Luckily, he picked up, he immediately responded and got the army to assist."

Based on this, Lim said, there should be a better SOP so the state can have closer cooperation with federal agencies in times of disaster.

"If we have this coordination, we can ask the armed forces to help right from the beginning. What matters most is that we can immediately get to those who need help fast," he said.

Lim thanked Ahmad Zahid for offering his assistance without hesitation, regardless of political differences, especially during a time of extreme need.

"He called me again this morning to give his assurance that he will help Penang to face the challenges of the disaster. We thank a leader who offered to help regardless of



Boats washed ashore by high tide in Tanjung Bungah during the thunderstorms that hit Penang on Saturday.

political differences and we thank the army for coming in to help," he said.

Lim said there was no need to declare a state of emergency in the wake of the worst floods in the state.

"The situation right now is under control after cooperation and help from federal

government," he said, adding that the strong winds and floods were the worst in Penang's history.

He said the state government will only announce a state of emergency if the need arose, after discussions with the federal government.

Lim called on all employers to understand and give time to affected workers to clean up their homes.

"All state and federal agencies are working together to clean up the affected secondary schools to be ready for the SPM examination," he said.